



Ruj.Kami : Prk.ML. 08/35-22 (23)  
Tarikh : 12 Februari 2014

## SEPERTI SENARAI EDARAN

Y.H. Dato`/Tuan,

### **PEKELILING DASAR PELESENAN BERKAITAN *STANDARD OPERATING PROCEDURE* (SOP) PEMBINAAN VESEL BARU DALAM NEGARA BAGI KES GANTI KULIT**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan telah mewujudkan Pekeliling Dasar Pelesenan berkaitan *Standard Operating Procedure* (SOP) Pembinaan Vesel Baru Dalam Negara bagi Kes Ganti Kulit. Tujuan pekeling ini diwujudkan adalah bagi memantau dan mengawal pembinaan vesel penangkapan ikan bina baru dalam negara bagi kes ganti kulit dengan lebih ketat agar setiap pemilik-pemilik vesel dapat mematuhi Dasar dan Pelesenan Jabatan yang telah ditetapkan.
3. Selaras dengan itu, Y.H. Dato`/Tuan diminta untuk mengambil maklum dan tindakan selanjutnya ke atas arahan ini yang berkuat-kuasa **SERTA MERTA** dari tarikh surat ini dikeluarkan. Sehubungan itu, bersama-sama ini disertakan Pekeliling Dasar Baru Pelesenan berkaitan *Standard Operating Procedure* (SOP) Pembinaan Vesel Baru Dalam Negara bagi Kes Ganti Kulit seperti di **LAMPIRAN**.
4. Kerjasama dan tindakan daripada Y.H. Dato`/Tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**( DATO' HAJI AHAMAD SABKI BIN MAHMOOD )**

Ketua Pengarah Perikanan Malaysia

Ibu Pejabat Perikanan

**PUTRAJAYA**

s.k

~~YBrs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan)~~

YBrs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Operasi)

Pengarah Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber

Ketua Cawangan Perundangan

Semua Ketua Cawangan Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber

Semua Pegawai Cawangan Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber

## **SENARAI EDARAN**

Pengarah Perikanan Laut Sarawak

Pengarah Perikanan Negeri Kedah

Pengarah Perikanan Negeri Johor

Pengarah Perikanan Negeri Perak

Pengarah Perikanan Negeri Selangor

Pengarah Perikanan Negeri Kelantan

Pengarah Perikanan Negeri Terengganu

Pengarah Perikanan Negeri Pahang

Pengarah Perikanan Negeri Pulau Pinang

Pengarah Perikanan Negeri Negeri Sembilan

Pengarah Perikanan Negeri Melaka

Pengarah Perikanan Negeri Perlis

Pengarah Perikanan W.P Labuan

**STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) PEMBINAAN VESEL BARU  
DALAM NEGARA BAGI KES GANTI KULIT**

1. Pemohon telah mendapat kelulusan pembinaan vesel baru/ganti kulit daripada Ibu Pejabat Perikanan melalui Pejabat Perikanan Negeri (PPN).
2. Tempoh kelulusan pembinaan vesel baru adalah **12 bulan**.
3. PPN/KDP hendaklah membuat pemantauan ke atas pembinaan vesel setiap **3 bulan sekali**.
4. PPN/KDP hendaklah memasang tin plate dan tukul penanda di bahagian haluan vesel setelah lunas disiapkan.
5. Pemohon hendaklah memaklumkan kepada PPN mengenai ukuran dalam dek, panjang dan lebar vesel sebelum kerja pemasangan dek vesel dimulakan. Bahagian Kejuruteraan, Ibu Pejabat hendaklah hadir bersama semasa pengukuran dilakukan.
6. Setelah vesel siap pembinaan 50%, KDP hendaklah melaporkan kepada PPN dan salinan kepada Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber dan Bahagian Kejuruteraan, Ibu Pejabat. Ketiga-tiga pihak tersebut akan melakukan pemeriksaan fizikal dan pengukuran vesel.
7. Setelah vesel siap pembinaan sepenuhnya (100%) PPN hendaklah melaporkan kepada PPN dan salinan surat kepada Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber dan Bahagian Kejuruteraan, Ibu Pejabat. Ketiga-tiga pihak tersebut akan melakukan pemeriksaan fizikal dan pengukuran vesel dengan mengisi boring LPI 1B/95 (Borang pemeriksaan vesel penangkapan ikan) serta disahkan.

8. Sekiranya vesel tidak dapat disiapkan dalam tempoh masa 12 bulan yang ditetapkan, pemohon boleh membuat permohonan pelanjutan tempoh pembinaan vesel **selama 6 bulan** sebanyak **3 kali maksimum**. Kelulusan pelanjutan tempoh oleh PPN.
  
  9. Sekiranya pembinaan vesel tidak dapat disiapkan selepas tempoh pelanjutan sebanyak selama 6 bulan sebanyak 3 kali maksimum, maka kelulusan bina vesel baru bagi menggantikan kulit vesel lama adalah **TERBATAL** dengan sendirinya.
-

**CARTA ALIR STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)  
PEMBINAAN VESEL BARU DALAM NEGARA BAGI KES GANTI KULIT**

**TINDAKAN**

